



# 1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab..

## Kalau Pengganas Masih Ada

Abdul Rahman Abdul Majid, Matang Kunda, Bagan

Datoh, Perak, bertanya: Sekiranya pengganas masih ada lagi di Persekutuan Tanah Melayu maka adakah ia menjadi halangan untuk mencapai kemerdekaan?

Jawab: Kemerdekaan akan tercapai sekalipun pengganas-pengganas itu masih menjalankan keganasannya. Tetapi kemerdekaan itu lancar sekiranya di dalam negeri itu tidak ada kekacauan-kekacauan yang menyebabkan tiap-tiap usaha dan tenaga dapat ditumpukan semata-mata kerana pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

\* \* \*

## Sepejabat dengan Wanita

Muhammad bin Taib, Jalan Merbau Kota Baru, Kelantan

bertanya: "Di pejabat saya ada seorang kerani perempuan.

Mengikut segi Islam perempuan yang ajnabi pada lain daripada muka dan dua tangan itu haram. Saya juga mendengar kepadanya dan bercakap-cakap dari hal pekerjaan pejabat. Sebab itu saya minta tuan berikan sedikit nasihat tentang pergaulan saya di dalam pejabat itu mudah-mudahan tidak kena kemurkaan Tuhan.

Jawab: Nampaknya saudara sendiri mengetahui sempadan-sempadan yang ditetapkan oleh agama tentang berhadapan dengan perempuan yang bukan mahramnya. Dengan itu dengan pengetahuan tuan itu maka adalah menjadi kewajipan bagi saudara mencari jalan dengan seberapa boleh

menjauhkan perkara-perkara yang boleh melanggar tegahan-tegahan agama. Sebab daripada tegahan-tegahan itu terang kebanyakan perkara yang terbit daripada pergaulan itu banyak fitnah. Jika keadaan terpaksa maka hendaklah saudara beringat-ingat dan berkawal diri dan sedapat mungkin menjauhkan diri daripadanya. Kami katakan begitu kerana lazim pula di pejabat apabila ada wanita maka kurang-kurang perkara kerja yang dicakapkan perkara lain pula dicari supaya dapat dapat bercakap engannya.

\* \* \*

## Membabit Hasan Bandung dan Hamka???

Suhaidi H. Yaaqub, Kedai Syarikat, Labuan

bertanya: Baharu-baharu ini telah berlaku pertelingkahan di antara orang-orang Islam dan Ansari (seorang pemimpin Ahmadiyyah) berkenaan Nabi Allah Isa 'alayhi al-Salām. Ansari berkata Nabi Isa 'alayhi al-Salām wafat juga bukan sahaja golongan kami Ahmadiyyah bahkan Hasan Bandung (Hasan bin Ahmad) dan Hamka juga telah berpendapat demikian. Dengan ini saya memohon pertolongan tuan untuk memberi kupasan tentang pendapat Hasan Bandung dan Hamka dan pendapat Ahli Sunnah Wa al-Jamaah berkenaan dengan Nabi Isa 'alayhi al-Salām itu.

Jawab: Sepanjang perbahasan –perbahasan yang kami ketahui

dari semenjak perang dahulu orang-orang Ahmadiyyah selalu mengatakan Nabi Allah Isa itu mati.

Berkenaan dengan Hamka, kita sendiri tidak mengetahui tetapi berkenaan dengan pendirian Kiyai Hasan Bandung kita dapat memperhatikan dengan jelas di dalam sebuah buku perdebatan (Perbahasan) yang diterbitkan Oleh Persatuan Islam Bandung pada tahun 1932 dengan jelas menerangkan dengan jelas hujah yang nyata, beliau berpendapat bahawa Nabi Isa tidak mati. Kita berani membohongkan pengakuan

Ansari itu dan pegangan inilah juga yang dipegang oleh Ahli Sunnah Wa al-Jamaah. Lebih lanjut dalam perkara ini Tuan bacalah siaran Pembela Islam yang bernama Risalah *Mirzā’iyah*, di dalamnya ada disebut tentang Majlis Bahasa di antara Persatuan Islam diketuai oleh Kiyai Hasan Bandung dengan orang-orang Qadyani. Di situ saudara dapat menatap lebih lanjut dalam perkara ini. Dan jika saudara berhajat kepada buku itu boleh saudara pesan kepada Persatuan Islam Bahagian Percetakan Pugar 505 Bangil, Jawa, Indonesia. Patut kita sebut Kiyai Hasan bin Ahmad itulah salah seorang lawan yang ulung menghadapi Ahmadiyyah.

Orang Ahmadiyyah menjalankan dakyahnya sangat licin. Ia cuba memasukkan masyarakat Islam, bercakap dan bertutur seolah-olah ia orang Ahli Sunnah Wa al-Jamaah tetapi hakikatnya dia menanam anai-anai yang bakal merosakan kedudukan orang yang tidak mengerti halnya. Daripada pengalaman-pengalaman yang kita dapat maka dengan cara itulah ia cuba menarik orang dan mempergunakan apa jua yang boleh, walaupun dusta, asalkan sahaja orang tertarik kepadanya iaitu apabila ia kelak dapat mempengaruhi orang itu.

\* \* \*

Ismail bin Asmawi Batu 36 Sabak Bernam, Selangor, bertanya: Halalkah menikah saudara lain ibu, adik beradik, sebaik Bernikah sepupu bapa adik beradik?

H. Johari Aziz, Kampung Hilir Simanggang,

bertanya: Seorang perempuan yang tidak beribu dan bapa (mati) dan tidak ada saudara mara kemudian ia berkahwin dengan seorang lelaki diwalikan oleh seorang hakim di negeri itu sebagai wali hakim tak lama si perempuan dan si lelaki itu pun bercerai dan akhirnya perempuan itu pula kahwin dengan lelaki yang mewalikannya dulu (wali hakimnya). Adakah itu


sah nikahnya dengan perempuan yang walikannya itu?

Jawab: Kepada kedua pertanyaan ini dapat dijawab kepada firman Tuhan dalam surah *al-Nisā’* ayat 22 dan 23 yang ringkasannya bahawa perempuan yang tidak boleh kahwin oleh orang Islam itu ada tiga belas: 1. bekas isteri bapanya, 2. ibunya yang melahirkan dia, 3. anaknya sendiri, 4. saudaranya sendiri, 5. saudara bapanya, 6. saudara ibunya, 7. anak dari saudaranya lelaki, 8. anak dari saudara perempuan, 9. perempuan yang pernah menyusuinya, 10. ibu isterinya (mak mertua) 11. anak tiri yang ibu telah dicampurinya 12. isteri anak sendiri (menantu), 13. saudara isterinya jika ia masih hidup, hanya tiga belas ini yang diharamkan dan selain daripada itu adalah halal bagi kita mengahwininya, jadi saudara boleh mendapat jawab atas pertanyaan daripada ayat yang tersebut di atas ini.

\* \* \*

Mahmud Zahruddin, Kampung Benjarung, Kuala Langat bertanya: Apakah hukumnya kalau seorang itu telah mati dan meninggalkan anak yatim selepas ia mati istiadat adalah diadakan kenduri, perbelanjaan kenduri itu daripada harta yang ditinggalkan sebelum dibahagi-bahagi kepada warisnya. Disebalik itu ia tidak tahu bolehkah dimakan kenduri yang dihidangkan itu. Oleh itu penuh harapan kami kepada Tuan supaya memberi penerangan yang jelas tentang perkara ini.

Jawab: Seorang yang telah mati tidak berkuasa lagi atas hartanya dan harta yang ditinggalkannya itu adalah hak warisnya yang telah ditentukan oleh Tuhan untuk menerimanya. Sebelum ia mati, kalau ia berwasiat, ia hanya berkuasa atas hartanya itu satu pertiga dan dijalankan mengikut wasiat yang telah dibuat olehnya. Sekiranya tidak ada wasiat itu maka tidak ada



Penuntut-penuntut "Qasim al-Rābī'" Madrasah al-Khairiyah Padang Tembak Teluk Ansin, bergambar ramai menyambut Hari Raya yang berbahagia.

hak bagi seorang membuat kenduri mengambil daripada harta-harta yang telah ditinggalkan olehnya itu.

Adat kenduri dipandang pada segi syarak ialah adat yang harus berlawanan dengan pengajaran al-Quran sebab menurut pengertian ahli-ahli agama seseorang yang mati itu tidak akan mendapat apa-apa selain daripada apa yang telah disahkannya ia hanya meninggalkan tiga perkara iaitu: sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat dan anak yang selalu mendoakannya iaitu tiga-tiga perkara yang tidak akan ada sekiranya tidak diusaha dan dikerjakan oleh sendiri.

Tidak ada manfaat yang bakal didapat dari mengadakan kenduri itu. Gunakanlah fikiran di dalam perkara ini dan lebih-lebih lagi di tengah jika sekiranya perbuatan itu menghabiskan harta benda anak yatim yang tidak tahu menahu apa yang telah dibuat kepada hartanya. Kita rasa memadai dengan ringkasan atas jawapan ini sebab kalau kita tidak khilaf perkara ini telah banyak kali kita jawab dengan alasan yang dapat di dalam majalah ini.

\* \* \*

Muhammad Nur bin Husin, Nombor 5. Police Field

Post Kuantan Pahang, bertanya: Adakah menjadi kesalahan pada sisi syarak sekiranya kita merendah diri seperti kita menyembah lutut atau sujud di kaki ibu bapa kita kerana meminta maaf dan ampun terhadap kesalahan terutamanya sekali pada waktu hari raya. Adakah ini menjadi satu kesalahan?

Jawab: Memberi hormat dan kemuliaan kepada kedua ibu bapa itu adalah digalakkan dan disuruh. Tiap-tiap seorang anak tidak boleh berkata ceh atau sebagaimana kepada kedua-dua ibu bapa khususnya kepada ibunya sendiri. Tetapi kehormatan dan kemuliaan itu adalah dihakkan sehingga tidak sampai kepada sifat menyembah atau sujud kerana menyembah atau sujud itu adalah hanya diintukkan bagi Allah. Terang-terang Tuhan menegah pada persembahan itu firmannya yang maksudnya janganlah kamu sembah selain daripada Allah. Jadi segala rupa persembahan dan cara-cara menyerupai kepada persembahan dan cara-cara yang menyerupai kepada persembahan itu tidaklah dibenarkan membuatnya. Oleh itu jagalah jangan sampai kehormatan itu sampai kepada peringkat membuat persembahan.